

MUZIK TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN:

NYANYIAN BONGAI MERANGSANG KESINAMBUNGAN SENI (*)

oleh:

HAJI ISMAIL EIN AEDUL HADI

Universiti Kebangsaan Malaysia.

1. Pendahuluan

Manusia senang pada suatu yang indah, baik terhadap keindahan alam mahupun terhadap keindahan seni. Keindahan alam adalah 'keindahan yang menakutkan dari hukum-hukum alam' yang dibukakan untuk mereka yang mempunyai kemampuan untuk menerimanya. Sedangkan keindahan seni adalah keindahan buatan atau hasil ciptaan manusia (buatan seorang seniman) yang mempunyai bakat untuk mencipta sesuatu yang indah sebagai sebuah karya 'seni'. Manusia terhadap yang indah tentu mengambil sikap 'terpesona', tegasnya manusia mempunyai perasaan keindahan (Habib Mustopo 1989:57). Sehubungan dengan itu masyarakat Melayu khususnya yang mendiami Negeri Sembilan sejak zaman prasejarah telah mencipta budaya dan sistem kehidupan mereka sendiri sejak mereka mula membentuk masyarakat dalam pelbagai kelompok dan suku (Ismail Hamid 1995:93), dengan kata lain orang Kelavu (Negeri Sembilan) yang senang dengan 'keindahan' telah mencipta beraneka rupa benda dengan bentuknya yang tertentu sebagai suatu budaya benda (material culture) dalam menghias kehidupan masyarakat yang berkebudayaan⁽¹⁾.

(*) Sebuah kertaskerja Seminar Budaya anjuran Jabatan Bahasa, Unit Pengajian Melayu, Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban dengan kerjasama Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan pada 30 April, 1997 di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan.

Budaya benda yang merupakan bahan ' heritage' yang menurut Kenneth Hudson (1977:188) 'objects of culture importance which have been handed down from the past', di mana UNESCO menggunakan ' cultural property ' bermaksud hakmilik budaya. Lantaran itu orang Melayu di Negeri Sembilan mempunyai hakmilik budayanya yang tersendiri sebagai suatu identiti mutlak. Sebagai seniman yang menghasilkan ' karya ' maka lahirlah budaya bendanya dalam bentuk bunyi-bunyian yang kemudian diubah panggil kepada ' muzik '. Untuk dihetung satu persatu bentuk bunyi-bunyian (muzik) di zaman tradisional di Negeri Sembilan, mudah sahaja kerana ianya masih boleh dibilang dengan jari. Namun dalam kekerdilan jumlah itu, sebahagian muzik tradisional Negeri Sembilan mendapat perhatian dan popular di kalangan budayawan dan peminat budaya.

2. Bentuk muzik tradisional Negeri Sembilan

Muzik tradisional di Negeri Sembilan boleh dibahagikan kepada dua kategori, pertama ciptaan tempatan dan kedua menerima pengaruh dari luar (Ismail Abdul Hadi 1996:3). Selain ciptaan tempatan yang telah membina identiti tersendiri, terdapat bentuk-bentuk muzik tradisional Negeri Sembilan menerima pengaruh besar daripada budaya Minangkabau, Sumatera Barat, namun setelah dilakukan beberapa penyesuaian dan pupukan tempatan, menjadikan bentuk budaya Minangkabau itu semakin 'kabur' dan ada di antaranya yang tidak mempunyai persamaan kerana acuan tempatan sudah melahirkan suatu bentuknya yang baru dengan identitinya tersendiri.

Dalam menentukan bentuk-bentuk muzik tradisional Negeri Sembilan ini saya tidak memisahkan antara ' nyanyian ' dan ' muzik ' kerana keduanya saling kait mengait dan tanpa yang satu mungkin bentuk muzik tradisional itu tidak wujud. Dalam hal ini secara longgar penulis menamakan bentuk-bentuk muzik tradisional itu sebagai:

- 2.1 Permainan Tumbuk Kalang
- 2.2 Permainan Caklempong
- 2.3 Nyanyian Bongai
- 2.4. Nyanyian Dikir Rebana
- 2.5 Nyanyian Randai
- 2.6 Permainan Tambor Upih
- 2.7 Nyanyian Berondoi
- 2.8 Permainan Cak Kun Cak

Sesuai dengan kehendak panitia Seminar, maka penulis hanya memfokuskan secara yang agak mendalam mengenai Nyanyian Bongai sahaja dengan menyentuh sedikit sebanyak genre muzik tradisional yang lain sebagai contoh.

3. Nyanyian Bongai

Bongai disampaikan secara nyanyian merupakan suatu bentuk kesenian yang menggabungkan keindahan irama lagu (muzik) dengan kehalusan bahasa puisi dan pantun (seni suara). Nyanyian Bongai sangat disukai oleh masyarakat Melayu (terutama di kampung dan desa) di Negeri Sembilan turun temurun (Ismail Abdul Hadi 1996a:5-6).

3.1 Pengertian dan asal usul Bongai

Perkataan ' BONGAI ' adalah cantuman dua perkataan, iaitu ' bong ' dan ' aye ' yang bermaksud ' orang yang dikasihi ' atau ' orang yang disayangi ' . Bongai juga dimaksudkan ' orang yang dihormati ' . Dalam proses penyebutan ' Bongaye ' menerusi dialek dan telor pemakai maka ' bongaye ' menjadi ' bongai ' dan penggunaannya kekal sampai ke hari ini (Abdul Latif Oyek 23.9.02).

Sebenarnya ada beberapa pengertian tentang bongai yang dikemukakan, namun kesemuanya mempunyai persamaan (lihat Ismail Abdul Hadi 1996a:4-5). Nyanyian Bongai ini juga dikenali dengan beberapa panggilan lain berdasarkan pewarisan tempatan yang sesuai. umpamanya di sekitar Jelabu, nyanyian ini dikenali sebagai ' Rentak Kudo' dan ada juga yang memanggil ' Peradong ' berdasarkan nama tempat di mana ia dimainkan serta begitu juga dengan ' Fetasih ' suatu tempat di Jelabu. Sementara di kawasan Kuala Filah selain daripada memanggilnya Nyanyian Bongai juga disebut ' Donak Donai ' dan ' Rentak Kudo Senaling', Senaling ialah nama tempat. Sementara di Rembau ia juga disebut sebagai ' Bersandoi '.

Nyanyian Bongai yang terdapat di Negeri Sembilan sememangnya berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat. Ia dibawa masuk ke Negeri Sembilan oleh pendatang-pendatang Minangkabau (Mohd.Ghouse Masaruddin 1989:141). Hujah ini diperkuatkan lagi oleh Abdul Latif Oyek (23.9.82) dengan mengatakan tidak dapat disangkal bahawa Nyanyian Bongai berasal dari Sumatera, berdasarkan nyanyian ' Salung Kampar ', iaitu sejenis nyanyian rakyat kawasan Kampar (Riau). Walaupun Salung Kampar tidak serupa dengan Nyanyian Bongai, tetapi unsur-unsur atau ciri-ciri Salung Kampar ada dalam Nyanyian Bongai di Tanjong Ipoh. Disebabkan penyebatian dengan ' Kerinting ' atau Donak Donai yang telah sedia ada, maka Salung Kampar menjadi tidak nyata lagi.

Namun begitu menjadi suatu keanehan⁽²⁾ juga kerana di Minangkabau sendiri tidak disebut Nyanyian Bongai, sebaliknya dikenali pula dengan nama ' Berbilang Panjang ' (sekitar Padang) dan ' Ratok ' atau ' Ratap ' di tempat-tempat lain. Ratok atau Ratap mempunyai nada

yang sedih, kata-kata hiba yang mengesahkan penderitaan menjalani kehidupan seharian. Dari segi inti dan cara berbilang Fanjang, Ratok atau Ratap banyak persamaannya dengan Nyanyian Longai di Negeri Sembilan (Urman Makmur S.7.93).

Dalam proses kesinambungannya (Nyanyian Longai) telah dilakukan beberapa pengubahsuaian dengan pupukan unsur-unsur tempatan maka Nyanyian Longai yang kedatangan hari ini sudah menjadi milik seni Negeri Sembilan yang sejati. Nyanyian Longai telah sebatu dengan budaya tempatan dan telah membentuk sebahagian daripada muzik tradisional Melayu Negeri Sembilan.

3.2 Peralatan muzik Nyanyian Longai

Sebenarnya Nyanyian Longai boleh dinyanyikan tanpa menggunakan sebarang alat muzik, kerana Nyanyian Longai mempunyai rentak lagunya yang tersendiri. Tetapi untuk menambahkan keseronokan, maka Nyanyian Longai sering diiringi dengan muzik. Nyanyian Longai dapat dipersembahkan dengan baik sekadar diiringi dengan sebatang seruling atau salung atau sebuah biola. Namun dalam keadaan untuk lebih meriah Nyanyian Longai diiringi dengan beberapa alat muzik tradisional. Alat-alat tersebut ialah gong (tetawak), rebana, seruling (serunai atau salung), caklempong, gendang dan ditambah akordion dan tamborin sebagai alat sampingan, bagi kumpulan yang tidak mementingkan keasliannya.

3.3 Bilangan penyertaan

Bilangan penyertaan dalam Nyanyian Longai tidak ditetapkan, ia bergantung kepada suasana ketika persembahan diadakan. Faling minima pesertanya ialah 2 orang (seorang pemain alat muzik dan seorang penyanyi), tetapi dalam keadaan yang lebih meriah peserta boleh menjangkau sehingga 8 orang. Walau bagaimana pun dalam keadaan yang sudah rancak

bilangan bertambah kerana penonton-penonton turut menyanyi, tetapi ke-
masukannya penonton sekadar 'tompang semangkuk'.

3.4 Tempat persembahan Nyanyian Bongai

Tempat diadakan persembahan Nyanyian Bongai tidak di-
khususkan khas. Biasanya diadakan ditempat-tempat lapang seperti di ha-
laman rumah, di suatu sudut halaman (halaman rumah yang luas) dan bo-
leh sahaja di serambi rumah. Namun ada kalanya di tempat lapang itu di-
dirikan 'bangsal pisang sesikat' sebagai pentas khusus untuk meraikan
tetamu (pembesar) di dalam sesuatu majlis seperti perkahwinan, mene-
gakkan adat istiadat dan majlis keramaian. Kadang-kadang atas permin-
taan ' orang penenggah atau orang pangkal ', Nyanyian Bongai diadakan
di kawasan ' selasar ' kerana di kawasan ini suasananya lebih meriah
kerana berlakunya ' usik mengusik ' bagi melepaskan kepenatan bekerja.

3.5 Masa Nyanyian Bongai dimainkan

Nyanyian Bongai sering dipersembahkan pada waktu ma-
lam setelah penat bekerja pada siang hari. Pada masa dahulu jarang se-
kali Nyanyian Bongai diadakan pada sebelah siang (kerana urusan kerja
sukar mengumpul orang). Permainan Nyanyian Bongai ini dimulakan se-
lepas solat Isyak dan berakhir jauh tengah malam nyari (dinihari) malah
sampai menjelang subuh. Malam yang dipilih ialah pada malam bulan terang
(tidak perlu membakar suluh) dan tidak pada malam Jumaat (biasanya
masyarakat beramal dan beribadat di surau atau mesjid).

3.6 Persembahan Nyanyian Bongai

Mempersembahkan Nyanyian Bongai amat bersahaja se-
kali dan ia tidak memerlukan sebarang pergerakan badan seperti persem-
bahan tarian, silat atau kuda kepang (Johor), Tumbuk Kalang dan permainan

muzik tradisional yang lain. Dari segi persembahan Nyanyian Bongai agak sama persembahannya dengan Randai, cuma dalam Nyanyian Bongai tidak ada gadis muncul menari sedangkan dalam Randai ada gadis yang keluar menari. Peserta-peserta Nyanyian Bongai duduk dalam bentuk ladang kuda atau tigasuku bulatan dimana dibahagian hadapannya dikosongkan untuk mengadap penonton.

Sepanjang persembahan Nyanyian Bongai sebenarnya tersirat di dalamnya sebuah kisah. Disamping melagukan pantun-pantun dijalin cerita-cerita yang pernah terjadi di kalangan masyarakat untuk dijadikan contoh pedoman atau sebuah cerita legenda yang penuh nostalgia (Ibrahim Mustafa 1974:105). Lagu-lagu yang dipersembahkan dalam Nyanyian Bongai ini tidak lari daripada bertemakan kasih sayang, hudi bahasa, dukalara penderitaan dan sayu pilu kerinduan. Suatu yang menarik di dalam Nyanyian Bongai ialah mengesahkan tentang perceraian sepasang suami isteri. Apabila keduanya mendengar 'lagunya' kedua-dua mereka boleh rujuk semula, ini adalah disebabkan pantun-pantun yang didendangkan itu begitu menyentuh hati dan perasaan kedua pasangan yang bercerai itu. Akhirnya timbul keinginan (keinsafan) untuk berbaik dan pulang semula sambil berazam untuk melupakan kisah suram dan keruh yang telah melukakan.

3.7 Pantun dan Senikata Nyanyian Bongai

Masyarakat merupakan suatu konsep yang abstrak namun ia adalah merupakan satu unit sosial atau sebuah perkampungan, lantaran itu mereka hidup bergaul disamping melakukan kerja-kerja seharian (Norazit Selat 1993:93). Dalam pergaulan suatu kancah masyarakat banyak berlaku 'asam garam hidup', menjadi kisah dan cerita yang terakam. Makanya dari kisah dan cerita serta beberapa peristiwa, penyanyi

menjadikan tema-tema lagu untuk dijadikan pengajaran, pedoman atau contoh kepada pihak-pihak tertentu. Antara pantun-pantun yang digemari ialah:

Belatuk berjambul merah,
Terbang menyusur angin;
Hormat pada tuan rumah,
Kita datang tompang bermain.

Saya pinjankan tangguk tali,
Untuk menangguk bunga durian;
Saya pinjankan bujang menyanyi,
Orang di sini kesunyian.

Orang di sini memandikan anak,
Kandi ditimba pucuk rotan;
Minta ampun dan minta maaf,
Kami nak baca kisah syaitan.

Anak enggang di kayu tings,
Fatah ranting terbanglah ia;
Anak dagang tak lama di sini,
Sampai musim pulanglah ia.

Asal kapas menjadi benang,
Asal benang menjadi kain;
Barang yang lepas jangan dikenang,
Burah menjadi hak orang lain.

Kajang tuan kajang berlipat,
Kajang saya mengkuang layu;
Dagang tuan dagang bertempat,
Dagang saya terbang lalu.

Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan;
Sungguhpun jauh di negeri satu,
Milang di mata di hati jangan.

Linang muda di dalam peti,
Kepayang, kepayang juga;
Adat muda dituruti,
Sembahyang, sembahyang juga.

Meriam di atas dedap,
Orang merenung ke sarangnya;
Duduk diam jangan disangka ontar,
Orang mengenang kekasihnya.

Bulan terang di paya,
Raja Mesir bertenun kain;
Rindu dendam saya,
Tidak kepada yang lain.

Ada di antara pantun-pantun yang disebutkan (malah banyak yang lain) dijadikan senikata kepada beberapa lagu Nyanyian Pongai bergantung kepada tema yang hendak disampaikan. Walau bagaimanapun ada juga senikata yang tidak merupakan pantun tetapi ungkapan bebas yang bermakna dan mengandungi falsafah di sebaliknya. Disamping itu ada juga pantun-pantun yang ditokok tambah dengan kata-kata lain bagi menyedapkan nyanyian, seperti contoh:

La Ilahi tuan.....
 Ke Jolobak ke Jolobu
 Tuanlah padi nan tigo tangkai
 Lah donak donai
 Bertuahlahnyo badan
 Kok dah kono komat Jolobu
 Lah donak donai
 Kok tak mati badanlah mongasai

Alahai tuan.....
 Kopayo tumbuh di batu
 Hondak dimakan di dalam puan
 Lah donak donai
 Hai nasibnyo badan
 Kaseh lah ese bukan sedikit
 Padahal daro di tompek tuan

3.8 Lagu-lagu Nyanyian Pongai

Lagu-lagu yang dinyanyikan dalam Nyanyian Pongai pada masa dahulu sememangnya banyak kerana penyanyi mencipta berdasarkan wilayahnya mengikut dimana tumbuhnya kumpulan Nyanyian Pongai itu. Malah yang menarik setiap kumpulan ada dengan lagu-lagu tempatan masing-masing mengikut persekitaran dan pengaruh. Namun dalam kajian dangkal penulis beberapa buah lagu dapat dikesan iaitu sekitar 25 buah lagu (ada yang dapat dikesan senikatanya tetapi tidak seberapa). Nama-nama lagu tersebut ialah:

Awang Kitang
 Pongai
 Bubu Landai (Randai)
 Bujang Jauh

Cantik Manis
 Cemperai
 Din-Din
 Donak Donai
 Gobah Panjang
 Gobah Pendek
 Hitam Manis
 Itik Fulang Fetang
 Lancang Kuning
 Kuara Gabang
 Peradong
 Fetasih
 Ratok
 Rentak Kudo
 Rentak Kudo Senaling
 Rentak Kudo Kepis
 Sendeng
 Serunai Ja'inah
 Sulung (Salung) Abang
 Timang Seberang
 Umpa Eceh

Daripada tajuk-tajuk lagu di atas ternyata mempunyai pewar-
 naan tempatan yang asli dan sekiranya dapat diselidiki lagi pastinya
 kita ketemu dengan judul-judul yang lebih menakjubkan dari segi ke-
 indahannya. Malau bagaimanapun diperturunkan beberapa senikata lagu
 dalam Nyanyian Bongai:

Lagu Cantik Manis

Hitamlah hitam
 Si tampuk manggis
 Hitamlah hitam
 Si tampuk manggis
 Sayang kemuning
 Gugur bunganya
 Cantik manis
 Gunung payung
 Lalak dilalinkan (La la dilenggangkan)
 Sungguhpun hitam
 Dipandang manis
 Sungguhpun hitam
 Dipandang manis
 Putihlah kuning
 Apa gunanya
 Cantik manis
 Gunung payung
 Lalak dilalinkan.

Lagu Cemperai

Cemperai sebelanga
 Gulai keladi ketulangan
 Abang bercerai sudah lama
 Bagaimanalah nak pulang

Tebu talang tabung pelita
 Rama-rama di puncak kain
 Gugur talag bercerai kita
 Sama-sama mengganti lain

Tebu talang tabung pelita
 Rama-rama di puncak kain
 Gugur talag bercerai kita
 Abang tidak mengganti lain

Eiar sepuluh ikan cencaru
 Ikan gelama dimasak kuah
 Eiar sepuluh diganti baru
 Janda yang lama rasa bertuah

Lagu Din-Din

Din-din pergi berdin-din
 Fulang berdin-din
 Ya Din-din
 Fulang berdin-din
 Fulang berdin-din
 Anak raja din-din hoi
 Fulanglah Jumaat
 Sebablah tak jadi
 Fulanglah cincin
 Sebablah dah dengar khabar
 Eh, kini din-din hoi
 Ferita jahat
 Ya din-din
 Ferita jahat

Lagu Dongai

Tinggi-tinggi si matahari
 Anaklah kerbau mati tertambat, ahai.....
 Sudahlah lama ese mencari
 Baru sekarang ese mendapat

Fulau Pandan jauh ke tengah
 Gununglah Daik bercabang tiga, ahai.....
 Hancur badan dikandung tanah
 Eudi nan baik di kenang juga

Empat-empat penyanji jua
 Manalah kelima dikata enam, ahai.....
 Feda tak dapat biar tak ada
 Tidaklah sama di dalam tangan

Anak Belanda pandai memeta
 Feta dilukis cantik rupanya,ahai.....
 Kalau lah ia bugai dikita
 Kasih dan sayang ese berikan

Lagu Budu Landai (Randai)

Lelaki: Ada kain buangken baju
 Baju digantung dek orang Cina
 Kalau ada lain buangkanlah aku
 Kerana aku dah pakai lama

Perempuan: Buah durian berpandu-pandu
 Hendak dibelah beruang-ruang
 Adik ibarat si kain baju
 Biarlah lusuh dek abang seorang

Lelaki: Tadi pulut padi kepayang
 Padi ditampi banyak dedak
 Di mulut adik katakan sayang
 Kok di hati apa(h) pun tidak

Perempuan: Anak apan dimakan apan
 Mati disengat dek kumbang jati
 Abang laksana si kain kapan
 Buruk tidaklah diganti-ganti

(senikata tersebut boleh dinyanyikan oleh kedua-dua
 penyanyi lelaki atau perempuan)

Lagu Umpan Bocek

Macam mana umpan bocek
 Anak cacing golang-golang
 Macam mana bocek nak manjat
 Awak kecil belum gedang (godang)
 Lah ulu empangan pasir
 Lah ilir empangan batu
 Di tengah-tengah jalan bermain
 Pisang embun emak bawakan
 Pisang embun besar(bosa) benar(bona)
 Pisang kapas emak bawakan
 Pisang kapas manis masam
 Pisang emas emak bawakan
 Pisang emas kecil (kocik) benar (bona)
 Bocek tak nak makan pisang lagi....

(lagu ini boleh dinyanyikan selama dua hari dua malam
 pun mungkin tidak habis)

4. Pengubahsuaian lagu dalam Nyanyian Eongai

Semua lagu Nyanyian Eongai yang dapat dikesan mempunyai melodinya yang tersendiri, begitu asli sekali. Memandangkan lagu-lagu Nyanyian Eongai mempunyai potensi, maka ada pihak yang telah melakukan pengubahsuaian atau pembaharuan mengikut selera baru bagi memenuhi citarasa. Dua buah lagu Nyanyian Eongai yang diminati ramai telah diubahsuai oleh pihak RTM. Hal seumpama ini bersesuaian kerana kebudayaan Melayu sesuai dari zaman ke zaman. Ia berkembang sekian lama dari simple kepada kompleks mengalami perubahan dari masa ke semasa akibat pertembungan dari luar. Perkembangan dalam kemajuan hidup dan penyesuaian dengan alam keliling merupakan faktor utama perubahan dari dalam masyarakat Melayu (Abd.Latif Abu Bakar 1985:13).

Lagu yang telah diubahsuai itu diberi nama baru:

Lagu Apo kono eh Jang

Batu Kikir jambatan besi
Gulai ulang sebelanga
Cuba mak fikir dalam hati
Ayo ni bujang sudah lama

Ke Jelobak ke Jelobu
Tuai padi tigo tangkai...ai
Kato ombong den
Kato ongah den
Kato ocu den
Fedihnya hati menanggung rindu
Tak mati badan mengasai..ai

Selain itu beberapa lagu Nyanyian Eongai juga telah diberikan notasinya oleh Kumpulan Eudaya Yayasan Negeri, Negeri Sembilan. Lagu-lagu tersebut ialah:

Lagu Eongai
Lagu Cantik Manis
Lagu Petasih
Lagu Budu Landai (Rendai)

5. Penutup: Sebuah Harapan

Nyanyian Bongai (yang terdapat sekarang) sudah boleh diterima sebagai beridentitikan Negeri Sembilan, kerana bentuk dan ciri-cirinya (Nyanyian Bongai) di Negeri Sembilan sama sekali tidak sama dan berlainan dengan apa yang terdapat pada Eerbilang Panjang, Ratok atau Ratap di Minangkabau itu. Kedua-duanya sudah menyimpang jauh, cuma pada konsep dan bentuknya sahaja mempunyai sedikit persamaan. Dengan kata lain dapat dirumuskan Nyanyian Bongai yang terdapat di Negeri Sembilan sekarang adalah menjadi hak budaya Negeri Sembilan dan apa yang ada di Minangkabau itu menjadi hak Minangkabau walaupun asalnya serumpun. Segala ketidaksamaan di antara Nyanyian Bongai dengan Eerbilang Panjang, Ratok atau Ratap di Minangkabau itu bukanlah suatu kelemahan Nyanyian Bongai di Negeri Sembilan ini, malah itu adalah suatu bentuk seni Negeri Sembilan sendiri yang harus dihormati oleh orang lain sekalipun yang datang menyaksikan itu orang dari Minangkabau sendiri.

Jadinya sebagai bangsa yang bermanuah dan berbudaya, maka nilai murni budaya itu mesti diutamakan dengan diberikan perhatian yang wajar dan serius. Anak-anak muda penyambung generasi perlu memper-lengkapkan diri mengambil sesuatu daripada generasi lama sedalam-dalamnya mengenai budaya peribumi sehingga mendarah daging penuh rasa sayang. Selama ini benteng nilai budaya yang tinggi telah dibina oleh nenek moyang, lantaran itu unsur apa pun yang datang melanda, apa pun warnanya sama ada merah atau kuning perlu dibendung agar ia tidak menjadi gejala liar sebagai perosak keharmonian. Kita mahu Nyanyian Bongai dan yang lain-lain itu seumpamanya akan terus hidup berkerbang membawa gaya persembahan unik dengan nilai-nilai seni yang tersendiri melambangkan identiti bangsa yang berbudaya, apatah lagi apabila ianya didukung teguh oleh semua pihak kerajaan, swasta, pertubuhan dan individu-individu yang sudah lumayan.

Nota kaki:

1. Kebudayaan telah diberi definisinya tidak kurang daripada 160 oleh ahli anthropologi sejak budaya menjadi bidang ilmu. Menurut ahli anthropologi, kebudayaan adalah keseluruhan cara hidup (sistem gagasan), tindakan dan hasil karya manusia dalam rangka kehidupan masyarakat yang dijadikan milik diri manusia dengan belajar (Koentjoraningrat 1990:180). Namun Ralph Linton memberi definisi yang sedikit berbeza dengan ahli anthropologi, baginya kebudayaan adalah seluruh cara hidup dari masyarakat yang mana pun dan tidak hanya mengenai sebahagian dari cara hidup itu iaitu bahagian yang oleh masyarakat dianggap lebih tinggi atau lebih diinginkan. Dalam erti cara hidup masyarakat itu kalau kebudayaan diterapkan pada cara hidup kita sendiri, maka tidak ada sangkut pautnya dengan main piano atau membaca karya sasterawan yang terkenal. Untuk seorang ahli ilmu sosial, kegiatan seperti main piano itu, merupakan elemen-elemen belaka dalam keseluruhan kebudayaan kita. Keseluruhan ini mencakup kegiatan-kegiatan duniawi seperti mencuci piring atau menyuci kereta, dan untuk tujuan mempelajari kebudayaan hal ini sama sedarjetnya dengan 'hal-hal yang lebih halus dalam kehidupan'. Kerana itu bagi seorang ahli ilmu sosial tidak ada masyarakat atau perorangan yang tidak berkebudayaan. Tiap masyarakat mempunyai kebudayaan, bagaimanapun sederhananya kebudayaan itu dan setiap manusia adalah makhluk berbudaya, dalam erti mengambil bahagian dalam sesuatu kebudayaan (Ralph Linton 1945:30).
2. Benggaja ditimbulkan keraguan agar ada pihak-pihak kesudian melakukan suatu penyelidikan yang mendalam dan terperinci apakah sebenarnya Nyanyian Bongai itu berasal umbikon dari Kinangkabau atau apakah tidak mungkin Nyanyian Bongai dibawa pulang oleh penghijrah-penghijrah Kinangkabau yang bertali arus ulang alik ke Negeri Sembilan ini dengan menamakannya Berbilang Panjang, Ratok atau Ratap itu kerana Donak Donai (Kerinting) sudahpun ada di Negeri Sembilan. Bagaimana?

Sumber bantu:

- Abdul Jalil Salim 1977/78. Peralatan muzik tradisional Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah (E.A.Hons), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Baharom Endut. 1975. Kesenian tradisional Melayu: Permainan Rentak Kudo atau Bongai. Latihan Ilmiah (E.A.Hons), Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Habib Mustopo. 1989. Ilmu Budaya Dasar. Surabaya: Usaha Nasional.
- Ibrahim Mustafa. 1974. Ghontak Kudo: Mainan masa tuai padi. Nastika. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Ismail Abdul Hadi. 1996. Teater rakyat Negeri Sembilan: Nyanyian Tumbuk Kalang dan Nyanyian Bongai. Kertaskerja Seminar Kebangsaan Teater Rakyat, anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Pengajian Bahasa Moden, Universiti Pertanian Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kerajaan Negeri Sembilan pada 5 dan 6 Oktober, 1996 di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan PPFL, Universiti Pertanian Malaysia.
- Ismail Abdul Hadi. 1996a. BONGAI: Nyanyian Tradisional Negeri Sembilan. Seremban: Grup Penulis Guru Negeri Sembilan.
- Ismail Abdul Hadi. 1996b. TUMBUK KALANG: Muzik tradisional Negeri Sembilan. Tesis Sarjana Persuratan, Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hamid. 1995. Adat istiadat Melayu Marisan Budaya Feribumi. Fangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ed. Isa Suki. 1989. Bongai: muzik tradisional Negeri Sembilan. Kertas Projek. Jabatan Muzik, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Ceras, K.I.
- Hohd, Ghouse Masaruddin. 1989. Muzik Melayu Tradisi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Latif Abu Bakar. 1985. Sejarah dan pemikiran konsep kebudayaan di Malaysia. Marisan Dunia Melayu Teras Perpaduan Malaysia. Kuala Lumpur: GAFFMA.
- Morazit Salet. 1993. Konsep asas Anthropologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taha Abd. Kadir. 1988. Muzik dan tarian tradisional Negeri Sembilan. Kertaskerja Seminar Identiti Budaya Negeri Sembilan, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan pada 27 Julai - 1 Ogos, 1988 di Yayasan Negeri Sembilan, Seremban.

Informan:

- Abdul Latif Oyek (58), Kampung Simpang, Tanjung Ipoh. Temuduga 15.10.92 dan 23.9.82.
- Erman Makmor (Drs), (53), Pegawai Museum, Museum Adithiawarman, Kota Padang Pandar Tercinta, Sumatera Barat. Temuduga 9.7.93.

Ralph Linton. 1945. The Cultural Background of Personality. New York: Appleton-Century-Crofts.

Koentjareningrat. 1990 Pengantar Ilmu Antropologi. Jakarta:
Penerbit Rineka Cipta.

Mulson, K. 1977. Museums for the 1980s: A Survey of World Trends.

Geertz, C. 1982. Tafsir Kebudayaan. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.

dan Abd.Kadir Man Yusof. 1983. Masyarakat dan Budaya Melayu tradisional. Malaysia Dari Segi Sejarah. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

BIODATA:

HAJI ISMAIL EIN ABDUL HADI

1. Lahir Jun, 1940 berbintang Gemini
2. Pendidikan:
 - 2.1 Sekolah Melayu - tamat Darjah Khas (VII)
 - 2.2 Maktab perguruan Sultan Idris - SPM dan Sijil Perguruan.
 - 2.3 Pelajar sendiri SPM, STPM (HSC).
 - 2.4 Universiti Malaya 1971-1974 - BA (Hons) Sejarah
 - 2.5. Universiti Kebangsaan Malaysia 1993-1996 - Sarjana Fersurotan, disamping menjadi Tutor
 - 2.6. Sedang mengikuti Program Ph.D di UKM
3. Penglibatan umum:
 - 3.1 Setiausaha Kebornat, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan
 - 3.2 AJK beberapa pertubuhan sukarela peringkat negeri dan kebangsaan.
4. Minat:
 - 4.1 Penulisan
 - 4.2 Melukis